

Dr Arifah Mohd Amin
@ Hamim
Pakar O & G
Pusat Perubatan Tropicana
Kota Damansara



Risiko Hamil LUAR RAHIM

Kehamilan luar rahim atau juga dikenali sebagai kehamilan ektopik, semakin meningkat statistiknya kini. Ia merupakan antara masalah kehamilan yang tidak dijangka sehinggalah berlakunya gejala-gejala tertentu seperti kesakitan pada perut dan berlaku pendarahan. Lebih teruk lagi, seseorang mungkin pitam atau hampir pitam sekiranya pendarahan dalaman sudah berlaku akibat tiub tersebut kembang dan pecah.

Dalam kehamilan normal, ovari akan melepaskan telur ke dalam tiub fallopien. Jika telur bertemu sperma, telur yang telah disenyawakan akan bergerak ke dalam rahim untuk melapirkannya lapisan dan terus berkembang selama 9 bulan akan datang.

Menurut Pakar O&G Pusat Perubatan Tropicana Kota Damansara, Doktor Arifah Mohd Amin @ Hamim, kebanyakan kehamilan luar rahim ini berlaku di bahagian tiub fallopien iaitu kira-kira 95%.

"Ia berlaku apabila telur yang disenyawakan akan tertempel di bahagian tiub yang sempit, rosak, tersumbat atau filia di dalam tiub gagal membawa telur tersebut ke rahim," jelasnya.

Dalam kes-kes yang jarang berlaku, telur yang disenyawakan melekat kepada salah satu ovari, organ lain di dalam abdomen atau di bahagian serviks. Selalunya kehamilan luar rahim dikesan dalam tempoh beberapa minggu pertama kehamilan. Namun begitu, ia boleh menjadi sukar untuk dikesan, malahan anda mungkin tidak tahu pun anda hamil kerana ada ketika ia menyamai simptom keguguran.

GEJALA-GEJALA

- Pendarahan sedikit
- Loya dan muntah dengan kesakitan
- Sakit perut
- Kekejangan perut yang 'tajam'
- Rasa sakit pada salah satu sisi tubuh
- Rasa pinar atau lemah
- Sakit pada bahu, leher atau dubur
- Pitam atau pengsan

Jika anda mengalami gejala-gejala seperti disenaraikan di atas, segeralah berjumpa pakar bagi mengurangkan risiko pendarahan lebih teruk sekali gus memelihara kesuburan anda.

RISIKO

Kehamilan luar rahim sememangnya membimbangkan walaupun kehamilan yang kali ke berapa. Hampir semua kandungan luar rahim tidak akan dapat diteruskan kerana iain akan terpaksa dikeluarkan melalui pembedahan. Malahan peluang untuk kandungan/bayi membesar seperti kehamilan biasa adalah terangat tipis.

Manakala ibu akan kehilangan banyak darah sekiranya ia telah pecah dan berlaku pendarahan dalaman. Justru adalah lebih baik untuk anda membuat pemeriksaan segera sekiranya mengetahui anda mengalami kehamilan luar rahim untuk memungkinkannya dan memberi peluang lebih baik pada kehamilan akan datang.

Potensi hamil

Dalam kebanyakan kes kehamilan luar rahim, kira-kira 65% daripadanya mempunyai potensi akan mengandungi semula dalam jangka 18 bulan selepas episod ini, dan sekitar 10-15% boleh berulang semula di kehamilan yang akan datang.

Jika kehamilan luar rahim ini disebabkan penyakit yang boleh dirawat seperti penyakit kelimain, rawatan terhadapnya boleh meningkatkan peluang untuk hamil lagi di dalam rahim.

Berbincanglah dengan doktor anda tentang berapa lama tempoh sebelum mencuba untuk hamil lagi. Persediaan mental dan fizikal adalah amat penting sebelum menempuhi kehamilan yang seterusnya.



Rawatan

Jika doktor mengesyaki tiub fallopien pecah, pembedahan kecemasan perlu dilakukan untuk menghentikan pendarahan. Dalam kebanyakan kes, tiub fallopien yang rosak perlu dibuang.

Sekiranya tiub fallopien tidak terganggu seperti ektopik di bahagian fimbria (penghujung tiub fallopien) kandungan ektopik akan disedut keluar tanpa melakukan pembedahan ke atas tiub fallopien tersebut.

Dalam beberapa kes terencil, *Methotrexate* (sejenis ubatan) boleh digunakan untuk menghentikan pertumbuhan tisu kehamilan. Ini mungkin rawatan pilihan yang sesuai sekiranya tiub fallopien tidak terganggu dan kehamilan tidak menampakkan kemajuan. Namun ubatan ini ada kesan sampingannya yang tersendiri, juga punyai peratus kegagalannya yang tersendiri.

SEBAB KEHAMILAN LUAR RAHIM

Salah satu penyebab kehamilan luar rahim adalah apabila tiub fallopien rosak dan menyebabkan telur tidak dapat disenyawakan dalam rahim, sebaliknya implan di dalam tiub fallopien atau di tempat lain.

Anda juga mungkin tidak pernah tahu apa yang menyebabkan kehamilan luar rahim, tetapi anda berisiko lebih tinggi sekiranya mempunyai:

- Menggunakan *intrauterine device* (IUD), sejenis kawalan kelahiran
- Sejarah penyakit radang pelvik (PID – *pelvic inflammatory*)
- Penyakit jangkitan seksual seperti *chlamydia* dan *gonorrhoea*
- Kecacatan tiub fallopien sejak lahir (masalah semasa kelahiran)
- Sejarah pembedahan pelvik
- Sejarah kehamilan luar rahim
- Penggunaan ubat kesuburan
- Rawatan kemandulan seperti IVF

